Pendekatan Penguatkuasaan BNM dan Penzahiran Tindakan Penguatkuasaan

Dalam melaksanakan mandatnya, BNM menggunakan kuasanya untuk mengambil tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap institusi kewangan dan pihak lain yang melanggar undang-undang yang ditadbir oleh BNM. Tindakan ini penting untuk menggalakkan kestabilan kewangan, melindungi pengguna dan memelihara integriti sistem kewangan. BNM menzahirkan tindakan penguatkuasaan yang diambil sebagai pencegahan terhadap sebarang salah laku dan tingkah laku yang tidak bertanggungjawab pada masa akan datang.

Peranan Jawatankuasa Penguatkuasaan di BNM

Jawatankuasa Penguatkuasaan (Enforcement Committee, EC) bertanggungjawab untuk mempertimbangkan dan memutuskan tindakan penguatkuasaan yang akan diambil terhadap institusi kewangan yang melanggar undang-undang dan keperluan pengawalseliaan yang berkenaan (Gambar Rajah 1). Menggunakan kuasa yang diwakilkan oleh Gabenor di bawah peruntukan undang-undang masing-masing, EC bertindak untuk memastikan bahawa cadangan tindakan penguatkuasaan adalah berasaskan keputusan yang objektif, adil dan konsisten. EC dianggotai oleh para Timbalan Gabenor BNM dan Penolong Gabenor BNM yang bertanggungjawab terhadap hal-hal pengawalan, penyeliaan dan penguatkuasaan.

Gambar Rajah 1: Undang-undang yang Ditadbir oleh Bank Negara Malaysia pada Masa Ini

Akta Bank Negara Malaysia 2009
Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang
Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001
Akta Mata Wang 2020

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rangka kerja penguatkuasaan dan penalti BNM

Keputusan penguatkuasaan yang diambil oleh BNM berpandukan kepada Rangka Kerja Penguatkuasaan dan Penalti (Enforcement and Penalty, EP). Rangka Kerja EP menggariskan jenis tindakan penguatkuasaan[1] yang disediakan di bawah undang-undang yang ditadbir oleh BNM dan turut menyediakan panduan khusus mengenai penentuan tindakan penguatkuasaan yang sesuai, termasuk pengiraan penalti monetari. Pertimbangan utama yang diambil kira dalam keputusan ini adalah tahap keseriusan pelanggaran. Penentuan tahap keseriusan dibuat dengan menilai pelbagai faktor, termasuk sebarang kesan buruk ke atas pihak ketiga atau orang awam akibat pelanggaran itu, dan sama ada pelanggaran itu menandakan kegagalan tadbir urus dan kawalan yang lebih serius dalam institusi kewangan.

Sekiranya penalti monetari dipertimbangkan, undang-undang BNM yang berkaitan menetapkan penalti maksimum yang boleh dikenakan. Dalam kerangka ini, EC akan menentukan penalti yang sesuai dan seimbang selepas mengambil kira faktor-faktor yang memberatkan dan mengurangkan seperti tahap keseriusan pelanggaran, tahap ketelitian dan usaha wajar yang diambil untuk mengurangkan pelanggaran, serta keberkesanan tindakan yang diambil untuk mencegah salah laku pada masa hadapan. Selain itu, EC juga mempertimbangkan kesan pencegahan daripada tindakan penguatkuasaan bagi memantapkan lagi kekukuhan budaya pematuhan.

[1] Jenis tindakan penguatkuasaan termasuk penalti monetari pentadbiran (*administrative monetary penalty,* AMP), arahan untuk membetulkan pelanggaran, dan teguran awam atau persendirian.

Gambar Rajah 2: Gambaran Keseluruhan Proses Penguatkuasaan Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penzahiran tindakan penguatkuasaan

Sejak tahun 2019, tindakan penguatkuasaan diterbitkan menerusi laman sesawang BNM. Notis yang diterbitkan itu menyatakan butiran mengenai pelanggaran, termasuk peruntukan undang-undang berkaitan yang dilanggar, penerangan mengenai jenis kesalahan dan tindakan penguatkuasaan yang diambil. Sekiranya pesalah laku merupakan pihak yang dikawal selia oleh BNM, maklumat juga diberikan mengenai sebarang tindakan yang diperlukan atau yang diambil untuk membetulkan pelanggaran peraturan tersebut. BNM juga menzahirkan maklumat agregat mengenai tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan dalam laporan tahunan BNM.

BNM mengambil langkah untuk menzahirkan tindakan penguatkuasaannya sebagai kaedah untuk memastikan akauntabiliti bagi tindakan penguatkuasaan yang diambil serta menggalakkan keyakinan orang awam terhadap peranan BNM sebagai pengawal selia sistem kewangan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penzahiran tersebut juga berfungsi sebagai langkah penghalang yang berkesan terhadap pelanggaran dan salah laku pada masa hadapan di samping memberikan iktibar kepada penggiat lain dalam industri.